

DALAM MAHKAMAH SESYEN DI JOHOR BAHRU
DALAM NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM, MALAYSIA
GUAMAN SIVIL NO. JA-A52NCvC-314-10/2024

ANTARA

WONG BAIR LIM

[No. K/P: 690912016082]

...

PLAINTIF

DAN

MALAYAN BANKING BERHAD

[No. Syarikat: 196001000142]

...

DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

(Permohonan Membatalkan Tuntutan di bawah A 18 k 19(1) KKM 2012)

Pengenalan

1. Ini merupakan permohonan defendan bawah A 18 k 19(1) KKM 2012 melalui Notis Permohonan (Lampiran 51) untuk *inter alia*, perintah-perintah seperti berikut:



S/N LQyG7oRLKUyxqhCeEIsQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

- i. Keseluruhan Writ Terpinda bertarikh 14.10.2024 dan Pernyataan Tuntutan bertarikh 12.10.2024 terhadap defendan dibatalkan atas alasan-alasan bahawa:
 - (a) Ia bersikap skandal, remeh, mengaibkan atau menyusahkan;
 - (b) Ia bertujuan untuk menyusahkan dan memalukan pihak defendan serta melambatkan pelupusan kes ini secara adil dan saksama; dan/atau
 - (c) Ia adalah suatu penyalahgunaan proses Mahkamah yang Mulia ini.
2. Kertas-kertas kausa yang relevan kepada permohonan ini adalah seperti berikut:
 - i. Writ Terpinda bertarikh 14.10.2024 (“Writ Terpinda tersebut”);
 - ii. Pernyataan Tuntutan bertarikh 12.10.2024 (“Pernyataan Tuntutan tersebut”);
 - iii. Pernyataan Pembelaan bertarikh 29.05.2025 (“Pernyataan Pembelaan tersebut”);
 - iv. Jawapan Kepada Pembelaan bertarikh 11.06.2025 (“Jawapan Kepada Pembelaan tersebut”);



- v. Notis Permohonan Defendan (Lampiran 51) dibawah Aturan 18 kaedah 19(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;
- vi. Afidavit Sokongan Defendan yang diikrarkan pada 22.08.2025 (“Afidavit Sokongan Defendan tersebut”);
- vii. Afidavit Jawapan Plaintiff yang diikrarkan pada 08.09.2025 (selepas ini dirujuk sebagai “Afidavit Jawapan Plaintiff tersebut”); dan
- viii. Afidavit Balasan Defendan (“Afidavit Balasan Defendan tersebut”).

Latar belakang kes

- 3. Paintif merupakan pelanggan defendan telah membuka dan mempunyai akaun simpanan dengan Defendan dengan no. akaun 101263125916 (“Akaun tersebut”).
- 4. Pada 13.07.2024, semasa menyemak Akaun tersebut melalui perbankan atas talian (online banking) Plaintiff telah mendapati sejumlah RM59,867.61 (“Wang Dipindahkan tersebut”) yang disimpan dalam Akaun tersebut telah dipindahkan tanpa pengetahuan, kebenaran dan/atau persetujuan plaintiff ke akaun-akaun berikut:



Tarikh & Masa	Penerima / Akaun	Jumlah (RM)
13 Julai 2024, Sabtu, 13:44 pm	Michelle Saii Anak / GXBANK No. Akaun: 8888006334916	RM10,000.00
13 Julai 2024, Sabtu, 13:46 pm	Rikky Ade Kurniawan / BigPay Malaysia Sdn Bhd No. Akaun: 8803173608334	RM9,829.31
13 Julai 2024, Sabtu, 13:47 pm	Rikky Ade Kurniawan / BigPay Malaysia Sdn Bhd No. Akaun: 88031736083343	RM9,978.30
13 Julai 2024, Sabtu, 13:49 pm	Aaron Thye Wei Teck / Alliance Bank Malaysia Berhad No. Akaun: 121180013020541	RM12,500.00
13 Julai 2024, Sabtu, 13:52 pm	Vino Angga Setya Ad / BigPay Malaysia Sdn Bhd No. Akaun: 88673686848586	RM17,560.00

5. Plaintiff menghubungi defendan pada hari yang sama untuk membuat aduan dan memohon bantuan.

6. Siasatan defendan mendapati plaintiff selaku pelanggan Defendan menggunakan transaksi perbankan dalam talian yang dikenali sebagai “*Maybank2u*” melalui Akaun tersebut.



S/N LQyG7oRLKUyxqhCeIsovQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

7. Melalui maklumat yang diberikan oleh plaintif melalui perbualan telefon antara plaintif dan seorang pegawai daripada pihak defendan bertarikh 13.07.2024 (Ekshibit MBB 2 dan 3 Afidavit Sokongan Defendan), plaintif telah mengakui telah mengimbas Kod QR yang diterima daripada pihak ketiga bagi membuat bayaran pembelian secara atas talian sebelum telefon bimbit plaintif terpadam secara tiba-tiba dan pada masa yang sama jumlah transaksi sebanyak RM59,867.61 dibuat kepada penerima-penerima dana seperti di dalam jaduan di atas.
8. Atas nasihat pegawai defendan, plaintif telah membuat laporan polis pada hari yang sama (rujuk eksibit MBB-3 Afidavit Sokongan Defendan).
9. Setelah beberapa kali Plaintif meminta bantuan daripada pihak Defendan untuk menahan dan mendapatkan wang tersebut tetapi tidak berhasil, Plaintif telah pada 12.10.2024 memulakan tindakan guaman terhadap Defendan atas kausa tindakan antaranya:
 - (a) Kegagalan, kecuaiian dan/ atau keengganan dalam melindungi hak dan kepentingan Plaintif sebagai pelanggan perbankan Defendan;
 - (b) Kegagalan, kecuaiian dan/atau keengganan Defendan dalam menjalankan kewajipan fidusiari-nya terhadap Plaintif sebagai pelanggan perbankan Defendan sebelum dan selepas kejadian Pemindahan Haram tersebut.



10. Defendan menafikan tuntutan plaintiff dan berhujah seperti berikut:

- (a) bagi penggunaan atas talian Defendan melalui sistem *Maybank2u* tersebut, Plaintiff mempunyai kawalan penuh terhadap system tersebut;
- (b) segala transaksi yang dilakukan di atas talian Defendan tersebut akan dibuat dan/atau diluluskan dan disahkan oleh Plaintiff sendiri;
- (c) tiada percanggahan alamat IP yang digunakan pada 13.07.2024 tersebut kerana alamat IP pada 13.07.2024 tersebut juga adalah sama bagi alamat IP yang digunakan Plaintiff sebelum ini.
- (d) berdasarkan perbualan telefon diantara Plaintiff dan pihak Defendan, Plaintiff mengakui bahawa Plaintiff memang telah memuatnaik satu applikasi daripada pihak ketiga. Oleh yang demikian, apa-apa akibat daripada applikasi tersebut harus ditanggung oleh Plaintiff sendiri.
- (e) system keselamatan Defendan adalah kukuh kerana *Secure Verification* dihantar oleh Defendan kepada Plaintiff dan disahkan oleh peranti Plaintiff bagi tujuan pengesahan dan kelulusan semua transaksi-transaksi yang terbabit.



Dapatan Mahkamah

11. Mahkamah merujuk kepada prinsip undang-undang bagi membatalkan sesuatu tindakan di bawah A18 k 19 KKM 2012 yang telah diputuskan di dalam locus classicus *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation* [1993] 3 MLJ 36 (SC) yang diikuti di dalam kes *Tan Wei Hong & Ors v Malaysia Airlines Bhd and Other Appeals* [2019] 1 MLJ 59 dimana kuasa ini hanya akan digunakan oleh Mahkamah di dalam kes yang jelas dan nyata sahaja bila mana sesuatu tindakan pada wajahnya '*obviously unsustainable*' tanpa pemeriksaan rapi dokumen-dokumen bagi mengesahkan sama ada plaintif mempunyai kausa tindakan atau defendan mempunyai pembelaan.
12. Mahkamah Agung dalam locus classicus *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 3 MLJ 36 telah menerangkan prinsip tersebut seperti berikut:

"The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O 18 r 19(1) of the Rules of the High Court 1980 are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule and the summary procedure can only be adopted when it can clearly be seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable'. It cannot be exercised by a minute examination of the documents and facts of the case in order to see whether the party has a cause of action or a defence ...



The court must be satisfied that there is no reasonable cause of action or that the claims are frivolous or vexatious or that the defences raised are not arguable.”

13. Teras hujahan defendan bagi membatalkan tuntutan ini ialah sistem perbankan atas talian *Maybank2u* berada dalam kawalan plaintif sepenuhnya dan pemindahan dana-dana tersebut datangnye dari peranti plaintif sendiri iaitu telefon bimbit plaintif.
14. Defendan melalui perenggan 11 Afidavit Sokongan Defendan tersebut menerangkan bagaimana sistem *Maybank2u* ini berfungsi di mana capaian ke dalam sistem adalah melalui kata nama dan kata laluan plaintif sendiri. Segala butiran akaun pihak penerima dana dan jumlah wang yang ingin dipindahkan juga dimasukkan melalui peranti plaintif sendiri dan sistem *Maybank2u* akan menghantar notis *Secure Verification* kepada plaintif bagi mengesahkan transaksi yang dimasukkan.
15. Pada setiap transaksi seperti yang dinyatakan di dalam jadual di atas, sistem *Maybank2u* telah menghantar notis *Secure Verification* kepada peranti plaintif dan plaintif telah memberi kelulusan sebelum sistem membenarkan transaksi-transaksi tersebut diteruskan.



16. Defendan juga Berjaya menunjukkan bahawa pada masa yang material sistem perbankan defendan tidak mengalami mengalami apa-apa gangguan atau kegagalan.
17. Setiap pelanggan defendan dan pengguna sistem *Maybank2u* tertakluk kepada Terma dan Syarat *Maybank2u* dan Syarat Bank berkenaan Akaun Perbankan (eskibit MBB-1 Afidavit Sokongan defendan tersebut).
18. Klausu 9.1 Terma dan Syarat *Maybank2u* memperuntukkan plaintif bersetuju bahawa ianya tanggungjawab plaintif untuk memeriksa semua transaksi yang dibuat melalui sistem perbankan *Maybank2u* tersebut.
19. Plaintif menafikan memasuki sistem perbankan *Maybank2u* pada masa yang material dan meluluskan transaksi-transaksi di dalam jadual di atas. Plaintif mendakwa defendan sebagai pihak bank telah cuai dalam membenarkan transaksi-transaksi tersebut. Namun begitu pada pendapat Mahkamah dakwaan plaintif ini bertentangan dengan apa yang berlaku pada hari kejadian.
20. Keterangan plaintif kepada pegawai defendan yang direkodkan dan dikemukakan melalui eksibit MBB-3 menjelaskan punca dan bagaimana transaksi-transaksi tersebut boleh berlaku.



21. Adalah tidak tepat apabila plaintif menegaskan bahawa plaintif menafikan sama sekali pengetahuan tentang transaksi-transaksi tersebut.
22. Jika dirujuk kepada rekod perbualan plaintif dan pegawai defendan serta laporan polis plaintif adalah jelas bahawa plaintif telah menjadi mangsa kepada penipuan atas talian melalui kod QR yang dihantar ke peranti i.e. telefon plaintif. Ini disahkan daripada rekod defendan yang menunjukkan transaksi-transaksi tersebut berasal daripada peranti yang mempunyai alamat IP yang sama dengan telefon bimbit defendan.
23. Mahkamah bersetuju dengan hujahan plaintif bahawa:
- i. Portal *Maybank2u* adalah selamat dan transaksi-transaksi berasal daripada peranti plaintif sendiri yang berada di dalam kawalan dan milikan plaintif pada setiap masa yang material;
 - ii. Semua transaksi-transaksi dilaksanakan atas arahan dan kebenaran plaintif melalui peranti plaintif melalui portal *Maybank2u*;
 - iii. Plaintif gagal membuktikan portal *Maybank2u* dan/atau sistem perbankan atas talian defendan mengalami kerosakan atau gangguan pada masa yang material;



- iv. Plaintiff mengalami kerugian akibat kecuiaan plaintiff sendiri yang memuatnaik kod QR di peranti plaintiff sebelum transaksi-transaksi tersebut berlaku;
- v. hubungan plaintiff dan defendan berkenaan akaun bank plaintiff adalah hubungan kontrak semata-mata berdasarkan Terma dan Syarat Bank.

24. Dalam kes *Aseambanker Malaysia Bhd & Ors v Shencourt Sdn Bhd & Anor* [2014] 4 MLJ 619, Mahkamah Rayuan memutuskan:

“[94] James Foong FCJ writing for the Federal Court in *RHB Bank Bhd (substituting Kwong Yik Bank Bhd) v Kwan Chew Holdings Sdn Bhd* recognised that a banker-customer relationship is purely contractual. His Lordship held that the Court of Appeal's finding that the banker customer relationship was superimposed with a specific relationship because of the appointment of monitoring accountant was too far-fetched. His Lordship further held that the fiduciary relationship was not even pleaded and that the court must not create a cause of action lest it be accused of being biased towards one against the other. His Lordship also held that such activism must be discouraged.

...

[101] The nature of the banker customer relationship is entirely contractual. There is nothing fiduciary about it. The sole intention of the bank is to make a profit. There is no special relationship between the bank and the customer.

...

[106] This appeal centred on the relationship between the appellants as the 'banker' and the respondents as the 'customer'. Their



relationship was purely contractual. The appellants were the lenders and creditors while the respondents were the borrowers and debtors. Their relationship remained static and circumscribed contractually and there was no fiduciary relationship between them at all.”

25. Dakwaan plaintif bahawa terdapat hubungan fidusiari antara defendan dan plaintif adalah bertentangan dengan nas undang-undang di atas. Sebaliknya kedua-dua pihak terikat dengan terma-terma perjanjian yang dimasuki apabila plaintif membuka akaun dengan defendan serta menerima dan menggunakan aplikasi *Maybank2u*.
26. Plaintif tidak memplidkan kausa tindakan kemungkiran kontrak terhadap defendan. Plaintif juga tidak mengemukakan apa-apa keterangan sedemikian untuk pertimbangan Mahkamah.
27. Di dalam hujahannya plaintif turut menghujahkan defendan mempunyai kewajipan berjaga-jaga terhadap plaintif dan defendan telah memungkiri kewajipan ini. Namun begitu plaintif juga tidak memplidkan kemungkiran kewajipan berjaga-jaga di dalam penyata tuntutan terhadap defendan. Plaintif dengan nyata memplidkan kemungkiran kewajipan fiduciary terhadap defendan yang mana merupakan satu kausa tindakan yang berbeza dengan kemungkiran kewajipan berjaga-jaga.



28. Berdasarkan keterangan-keterangan afidavit, Mahkamah berpendapat tindakan plaintif adalah bersifat skandal remeh dan menyusahkan seperti yang diperuntukkan bawah A. 18 k. 19(b) KKM 2012.

29. Mahkamah merujuk kepada kes *Dato' Aishaf Falina bt Ibrahim v Ismail bin Othman & Ors* [2017] 10 MLJ 229 yang menerangkan maksud skandal, remeh dan menyusahkan seperti berikut:

“[17] The next case that should be considered is the case of *Harapan Permai Sdn Bhd v Sabah Forest Industries Sdn Bhd* [2011] 2 MLJ 192 at pp 193 and 200, where the Court of Appeal held that in the context of O 18 r 19(1)(b): the word ‘scandalous’ means wholly unnecessary and irrelevant, and not just unpleasant allegations. A pleading is ‘frivolous or vexatious’ when it is obviously unsustainable.

[18] The definition of the word ‘vexatious’ within the context of O 18 r 19(b) is well illustrated in the case of *Goh Koon Suan v Heng Gek Kiau & Ors* [1991] 2 MLJ 307 at p 308. In this case the court stated that: an action is ‘vexatious’ if the party bringing it is not acting bona fide and merely wishes to annoy or embarrass his opponent, or when it is not calculated to lead to any practical result.”

30. Selanjutnya Mahkamah juga merujuk kepada kes *Middy Industries Sdn Bhd & Ors v Arensi-Marley (M) Sdn Bhd* (2013) 3 MLJ 511 yang menerangkan maksud remeh dan menyusahkan seperti berikut:

“[10] In short, the words ‘frivolous or vexatious’ under r 19(1)(b) refer to cases which are obviously unsustainable or wrong. The words connote



purposelessness in relation to the process or a lack of seriousness or truth and a lack of bona fide; they also include proceedings where a party is not acting bona fide and merely wishes to annoy or embarrass his opponent, or when it is not calculated to lead to any practical result (see *Goh Koon Suan v Heng Gek Kiau & Ors* [1990] 1 SLR 1251; *Afro Asia Shipping Co Ltd v Haridass Ho & Partners* [2003] 2 SLR 491; and *Riduan bin Yusof v Khng Thian Huat & Anor* [2005] 2 SLR 188)."

31. Plaintiff telah memberikan penjelasan melalui laporan polis dan perbualan dengan pegawai defendan tentang apa yang berlaku sebelum wang di dalam akaun plaintiff dipindahkan ke akaun-akuan pihak ketiga seperti di dalam jadual di atas. Defendan juga telah memberi penjelasan bertulis kepada plaintiff setelah menerima aduan daripada plaintiff (rujuk eksibit MBB-2).
32. Mahkamah juga berpuas hati bahawa tiada apa-apa pertikaian fakta yang material yang tidak boleh diputuskan melalui keterangan-keterangan afidavit di dalam kes ini. Hakikatnya plaintiff merupakan mangsa kepada skim penipuan atas talian dan plaintiff tidak dapat menerima hakikat bahawa wang di dalam akaunnya telah hilang akibat kecuai plaintiff sendiri walaupun pihak defendan telah menjelaskan keadaan sebenar yang berlaku.



Kesimpulan

33. Berdasarkan di atas, Mahkamah berpendapat tindakan ini adalah remeh dan menyusahkan, tidak dapat dipertahankan dan tidak akan menghasilkan apa-apa keputusan yang praktikal.
34. Mahkamah membenarkan permohonan defendan untuk membatalkan tuntutan plaintif dengan kos bawah A. 18 k.19(1)(b) KKM 2012. Kos RM2,500.00 dibayar oleh plaintif kepada defendan.

Bertarikh pada 11 Januari 2026

.....

LAILAWATI BINTI ALI
HAKIM
Mahkamah Sesyen Sivil 3
Johor Bharu



Bagi pihak plaintif:

Fung Yu Qi

T/n Pang Kiat, Yu Qi Law Chambers

Bagi pihak defendan:

Tengku Nazihah bt Tengku Nawawi

T/n Sidek Teoh Wong & Dennis



S/N LQyG7oRLKUyxqhCeEIs0vQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal